



PERUTUSAN MENTERI

SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAP SEDUNIA 2026

Hari Tanah Lembap Sedunia disambut pada 2 Februari setiap tahun. Pada tahun 2026 ini, tema sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia yang dicadangkan oleh Sekretariat Konvensyen Ramsar adalah *Wetlands and Traditional Knowledge: Celebrating Culture Heritage* atau Tanah Lembap dan Ilmu Tradisi: Meraikan Warisan Budaya. Tema global ini dipilih untuk mengetengahkan hubungan mendalam antara tanah lembap dengan amalan budaya, tradisi, dan sistem pengetahuan komuniti di seluruh dunia.

Malaysia bertuah kerana mempunyai kekayaan ekosistem tanah lembap yang meliputi keluasan lebih 5.19 juta hektar. Ekosistem tanah lembap menawarkan nilai pemuliharaan yang tinggi merangkumi manfaat ekonomi daripada sumber alam dan pelancongan, serta fungsi ekosistem yang penting seperti tebatan banjir, tadahan air, perlindungan pesisir pantai dan simpanan karbon.

Sebagai tanda komitmen negara kepada pemuliharaan dan penggunaan bijak (*wise use*) tanah lembap, Malaysia telah menganggotai Konvensyen tanah lembap atau dikenali sebagai Konvensyen Ramsar pada tahun 1994. Konvensyen Ramsar merupakan perjanjian multilateral alam sekitar moden yang tertua sejak tahun 1971 dan mempunyai 172 negara ahli (*Contracting Parties*). Sebagai sebahagian obligasi negara-negara anggota, sebanyak 2,546 tanah lembap

berkepentingan antarabangsa atau tapak Ramsar telah diiktiraf di seluruh dunia sehingga tahun 2025.

Malaysia wajar berbangga kerana mempunyai tujuh (7) tapak tanah lembap di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan sebagai tapak Ramsar, iaitu Tasek Bera, Pahang pada tahun 1994; Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai, Johor pada tahun 2003; Kuching Wetlands National Park, Sarawak pada tahun 2005; dan Lower Kinabatangan - Segama Wetlands dan Kota Kinabalu Wetlands, Sabah masing-masing pada tahun 2008 dan 2016. Pengiktirafan oleh Konvensyen Ramsar juga mencerminkan kepentingan ekosistem tanah lembap serta peranan komuniti setempat dan pihak berkepentingan dalam usaha memulihara ekosistem tanah lembap di negara.

NRES sebagai *national focal point* kepada Konvensyen Ramsar di Malaysia sentiasa komited dan menyokong usaha-usaha Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memulihara ekosistem tanah lembap, selaras dengan matlamat dan sasaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
2 FEBRUARI 2026

